

Media : Harian Metro

Date : 18 August 2017

350 sertai Larian Obor Sukan SEA ke-29 yang berakhir di AMB

Kuala Lumpur: Lebih 350 individu terbabit dalam acara Larian Obor Sempena Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 (Kuala Lumpur 2017) yang berakhir di Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB), baru-baru ini.

Pengarah urusan AMB, Naoko Yamamoto menerima obor yang dibawa sebelum menyerahkannya kepada pengerusi, Jeneral (B) Tan Sri Mohamed Hashim Mohd Ali untuk diletakkan pada tiang obor sebagai simbolik acara berkenaan.

Menjadi penaja platinum bagi Kuala Lumpur 2017 memberikan peluang kepada Ajinomoto Co. Inc. (Ajinomoto Co) untuk menyediakan pelbagai bentuk sokongan melalui anak-anak syarikatnya di rantau ASEAN berdasarkan pengetahuan yang luas mengenai sokongan nutrisi untuk atlet yang dikumpulkan syarikat di Jepun.

Ajinomoto Co. Inc. menyokong secara aktif serta terbabit dalam program pem-



PESERTA Larian Obor Sukan Sea ke-29 selepas menamatkan larian di pekarangan AMB. Gambar kecil, Yamamoto (kanan) menyerahkan obor kepada Mohamed Hashim untuk diletakkan pada tiang obor, baru-baru ini.

angunan sukan dan atlet melalui kepakarannya dalam kemajuan sains berkaitan asid amino.

Tahun ini, Ajinomoto Co. Inc. menjadi Penaja Platinum bagi Kuala Lumpur 2017.

Tajaan itu juga sebagai memperingati ulang tahun ke-60 penubuhan hubungan diplomatik antara Jepun dengan Malaysia selain sambutan Jubli Intan kemerdekaan negara.

